

**FENOMENA DELINKUEN DALAM KALANGAN REMAJA YANG BERISIKO
DI SEBUAH SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA DI LUAR
BANDAR MALAYSIA**

Mohd. Nuri Bin Mustafa

*Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400, Selangor DE*

mannnarmustafa@iab.moe.gov.my

Kata Kunci: Fenomena, Delinkuen, Rakan Sebaya, Psikologi, Kecedasan Emosi.

Abstrak

Kajian ini merupakan kajian kes tentang fenomena belia remaja delinkuen yang berlaku di pusat pengajian Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di luar bandar Malaysia. Pelbagai pihak telah pun berusaha untuk memahami dan membuat penyelidikan dengan pelbagai dapatan yang diperolehi. Namun penyelidikan tersebut tidak dapat menjadi input bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam diri para belia, bahkan belia remaja makin bertambah terlibat dengan gejala delinkuen. Dalam kajian ini pengkaji telah melakukan tumpuan itu bagi memahami perlakuan tersebut dengan membuat pemahaman terperinci terhadap masalah psikologi, pegangan agama dan kecerdasan emosi. Dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa ciri-ciri psikologi belia yang delinkuen adalah Rendah Penerimaan Kendiri, Kuasa Autonomi Pasif, Kemesraan Bersama Kawan, Bertindak Agresif, Ada Matlamat Hidup, Rendah Penghargaan Kendiri. Manakala pegangan agama dan kecerdasan emosi menunjukkan mereka adalah Lemah Mengurus Tekanan Emosi, Ingin Mencuba, Lemah Pegangan Agama, Rendah Kawalan Emosi Kendiri. Tiada kesedaran potensi diri. Di samping itu terdapat faktor luaran yang paling dekat dari pengaruh rakan sebaya dan pengaruh keluarga yang kurang berperanan tanggungjawab mereka dalam membentuk remaja sehingga menyumbang kepada tingkah laku delinkuen. Cadangan kajian boleh ditambah baik dengan memberi tumpuan kepada peranan kepimpinan guru, organisasi kokurikulum sekolah dan komuniti setempat.